

U B120 A A B  
MAHATHIR - PANGKALAN R R R

BANGI, 15 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA TIDAK MEMBANTAH SEKIRANYA TENTERA AMERIKA SYARIKAT MENGGUNAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DI SINGAPURA TETAPI BUKAN SEBAGAI SEBUAH PANGKALAN TETAP TENTERANYA.

+PENDIRIAN KITA IALAH KITA TIDAK BERSETUJU JLKA SINGAPURA DIJADIKAN PANGKALAN TETAP TENTERA AMERIKA,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENYERAHKAN BENDERA MALAYSIA KEPADA CHEF-DE-MISSION NEGARA KE SUKAN SEA, HAJI KAMALUL ARIFFIN ABDUL RAHIM DI KEM LATIHAN NASIONAL,DI SINI PAGI INI.

KATANYA, MALAYSIA TIDAK MEMBANTAH SEKIRANYA TENTERA AMERIKA MENGGUNAKAN REPUBLIK ITU SEBAGAI TEMPAT MEMPERBAIKI KAPAL-KAPAL PERANG MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PENGWUJUDAN PANGKALAN TENTERA ASING DI SINGAPURA, YANG MENGANGGOTAI ASEAN, SEDIKIT SEBANYAK AKAN MENJEJASKAN CORAK KOMITMEN ASEAN UNTUK MEWUJUDKAN ZON BEBAS, AMAN DAN BERKECUALI (ZOPFAN) DI ASIA TENGGARA.

+IA JUGA AKAN MEWUJUDKAN PENINGKATAN PENGGUNAAN SENJATA DI RANTAU INI,+ KATANYA. -- LAGI.  
1240MST 15 0 8 89

U B121 A A B  
MAHATHIR - PANGKALAN 2 KUALA LUMPUR R R R R

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN SINGAPURA TELAH MENGHUBUNGI KERAJAAN MALAYSIA MENGENAI KESANGGUPAN REPUBLIK ITU MEMBENARKAN AMERIKA SYARIKAT HENEMPATKAN PERALATAN TENTERANYA DI SINGAPURA.

PADA 4 OGOS, SATU PENGUMUMAN DIBUAT DI PARLIMEN SINGAPURA BAHAWA SINGAPURA BERSEEDIA MENERIMA KEHADIRAN TENTERA AMERIKA BAGI MEMUDAHKAN FILIPINA UNTUK TERUS MENEMPATKAN PANGKALAN-PANGKALAN. AMERIKA.

SATU PASUKAN PERTAHANAN PERINGKAT TINGGI AMERIKA TELAH MEMBUAT LAWATAN +PENEROKAAN+ KE SINGAPURA BULAN LEPAS UNTUK MENGAJAI KEMUNGKINAN MEWUJUDKAN KEMUDAHAN TENTERA LAUT DAN UDARA DI SINGAPURA.

MENGENAI KES ABDULLAH ANG, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA, KDN AKAN MENDAPATKAN KETERANGAN SEBENAR WENGENAI ABDULLAH YANG DIKATAKAN MENERIMA LAYANAN ISTIMEWA DARIPADA JABATAN PENJARA KAJANG.

BELIAU BERKATA: +SAYA JUGA INGIN TAHU ALASAN MENGAPA ABDULLAH MENERIMA LAYANAN ISTIMEWA DAN PERKARA YANG SEBENARNYA BERLAKU.+ -- LAGI.

1252MST 15 08 89

U B122 A A B  
MAHATHIR - PANGKALAN 3 KUALA LUMPUR R R R R

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI, DATUK MEGAT JUNID MEGAT AYOB DILAPORKAN BERKATA SEMALAM BAHAWA BELIAU TELAH MENERIMA LAPORAN SIASATAN DARIPADA JABATAN PENJARA KAJANG DAN AKAN MEMBINCANGKAN LAPORAN ITU DENGAN PERDANA MENTERI.

+KEJADIAN SEBENAR AKAN DIKETAHUI APABILA (SAYA) MENDAPAT LAPORAN MENGENAI PERKARA ITU DARIPADA PIHAK-PIHAK TERBABIT,+ KATA DATUK SERI DR WAHATHIR. -- BERNAMA.

1254MST 15 0 8 8 9